# ورتا ڤنرڠن

# Warta Penerangan

JANUARI 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

*Daripada*

Jabatan Penerangan,

Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

***"Membudayakan Masyarakat Bermaklumat"***

# Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan — Muka

| Isi Kandungan | Muka |
| --- | --- |
| Sekapur sirih dari Pemangku Pengarah Penerangan | 5 |
| Poster kalender terbitan Jabatan Penerangan 2017 | 6 |
| Lawatan Command and Staff College of Saudi Arabia ke Jabatan Penerangan | 7 |
| Program Sua Muka | 8 - 12 |
| Peristiwa Penerangan | 12 |
| Jerayawara Kenali ASEAN | 13 - 15 |
| Hadiri bengkel 'Transfer of Knowledge' | 16 |
| Jabatan Penerangan anjur Pertandingan Koir | 17 |
| Pedoman | 17 |
| Hayati lagu kebangsaan | 18 -19 |
| Eratkan hubungan media melalui sukan | 19 |
| Sekitar pengagihan kalender 2017 terbitan Jabatan Penerangan | 20 |
| Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus/bengkel/program pada bulan Januari 2017 | 21-22 |
| Senarai Pegawai Penerangan yang memberi taklimat | 23 |
| Senarai penempatan kerja Mahasiswa dan Mahasiswi UBD ke Jabatan Penerangan | 23 |

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

*Sekapur Sirih*

# Pemangku Pengarah Penerangan

Bismillahir Rahmannir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Kaum Kerabat Baginda, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Warga Jabatan Penerangan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah kita bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat bersama lagi pada tahun baru ini. Di kesempatan ini, peramba/saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Masehi 2017 kepada semua warga Jabatan Penerangan. Semoga segala usaha gigih dan kecekalan kitani dalam mengharungi cabaran sepanjang tahun 2016 yang lalu dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih lagi.

Sepanjang Tahun Masehi 2016, kita telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita dengan jayanya. Sesungguhnya, kejayaan ini tidak akan mampu diraih sendiri tanpa sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh abiskita semua.

Peramba/saya percaya, kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan pengorbanan yang tinggi khususnya dari segi masa, buah fikiran dan tenaga bagi setiap warga Penerangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Dalam hal ini, peramba saya berharap kitani akan sentiasa bekerja dalam satu pasukan seperti "*bagai aur dengan tebing*" dan tidak akan sama sekali seperti "*bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*". Di kesempatan ini juga, peramba/saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas komitmen yang diberikan.

"Membudayakan Masyarakat Bermaklumat" adalah satu ekspektasi masyarakat terhadap setiap lapisan warga Penerangan di mana pun mereka bertugas. Dalam kita membudayakan semangat kerja yang bersandarkan sifat profesionalisme lagi berintegriti, setiap pegawai dan kakitangan hendaklah mempunyai ciri-ciri bertanggungjawab, pemedulian dan prihatin serta mengamalkan sifat jujur, adil dan saksama



***PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad***

kerana cabaran yang bakal dihadapi juga semakin bertambah. Dengan itu, suka peramba / saya ingatkan di sini sesungguhnya segala cabaran dan dugaan yang bakal kita hadapi nanti bukanlah satu halangan untuk kitani terus maju dan mengecapi kejayaan yang lebih baik daripada tahun sebelumnya.

Sukacita juga diingatkan kepada semua Ketua-ketua Bahagian, Ketua-ketua Unit supaya akan sentiasa memeduli kebajikan kakitangan di bawah jagaan masing-masing dan memastikan untuk mengaplikasikan etika kerja yang jujur, amanah dan efisien semata-mata atas dasar tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita.

Akhir kata, peramba/saya ingin mengucapkan selamat bertugas dan teruskan kecemerlangan yang telah kita cipta pada tahun 2016 lalu untuk tahun 2017 ini. Semoga tahun ini kitani akan dapat meningkatkan iltizam dan komitmen kita untuk mencemerlangkan imej jabatan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk masyarakat.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakuh.

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat"

Mawardi bin Haji Mohammad
Pemangku Pengarah
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

# Kalender 2017
# Terbitan Jabatan Penerangan















# Terima lawatan Command and Staff College of Saudi Arabia

Oleh: Dk.Vivy Malessa Pg.Ibrahim / Foto: Hernie Suliana Haji Othman



*ROMBONGAN dari Command and Staff College of Saudi Arabia bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.*

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 Januari.- Seramai 21 orang terdiri daripada Command and Staff College of Saudi Arabia mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai salah satu program lawatan mereka ketika berda di negara ini.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh War Wing Commander and Staff College, Saudi Arabia, Mejar Jeneral Pilot Abdullah Saleh Al-Shehri dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah dalam ucapannya melahirkan terima kasih atas kesudian lawatan rombongan tersebut yang setentunya memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Majlis berlangsung di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan.

Semasa lawatan, rombongan telah diberikan taklimat mengenai penyaluran maklumat yang merupakan salah satu daripada strategi kerja Jabatan Penerangan samada melalui media cetak, seperti akhbar rasmi kerajaan iaitu Pelita Brunei edisi Isnin, Rabu dan Sabtu, buku-buku yang berorientasikan kenegaraan dan lain-lain, melalui Komunikasi Bersemuka atau Berdudun dan Media Baharu iaitu Facebook, Instagram dan Twitter.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada kurikulum kursus Maktab Turus negara berkenaan yang bertujuan sebagai persiapan diri peserta kursus untuk mengkaji dan menganalisa sistem diplomatik, ekonomi, maklumat dan ketenteraan pada peringkat strategik.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah berucap semasa menerima lawatan rombongan daripada Command and Staff College of Saudi Arabia ke Jabatan Penerangan.*



*ROMBONGAN dari Command and Staff College of Saudi Arabia semasa mendengarkan taklimat semasa lawatan mereka ke Jabatan Penerangan.*

# Program Sua Muka

**Berita dan Foto: Hj Ariffin bin Mohammad Noor / Morshidi**

## Kampung Kota Batu



*ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan diketuai Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa sesi bergambar ramai bersama Ketua Kampung dan Ahli-Ahli MPK Kampung Kota Batu, selepas Program Sua Muka.*

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 17 Januari.– Program Sua Muka atau personal contact yang di anjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan merupakan suatu usaha berterusan bagi mendekati dan memberigakan maklumat kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Melalui program tersebt secara langsung memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan untuk mendengarkan permasalahan dan cadangan-cadangan daripada rakyat dan penduduk di kawasan berkenaan yang seterusnya akan disalurkan kepada agensi-agensi dalam kerajaan yang berkaitan bagi penilaian dan tindakan selanjutnya.

Malah peluang bersua muka yang diadakan dalam suasana muhibah ini dapat dijadikan wadah untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini dan usaha-usaha kerajaan kepada pemimpin akar umbi untuk dikongsikan bersama penduduk kampung.





*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mengadakan Program Sua Muka bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kota Batu, MPK Pintu Malim dan MPK Sungai Lampai.*



*PENGIRAN Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin dari Unit Perhubungan Awam, semasa menerangkan mengenai e-paper Pelita Brunei yang boleh dimuat turun ke 'home screen' telefon bimbit.*

Susulan dari program berkenaan Jabatan Penerangan meneruskan misi tersebut dengan melakukan kunjungan ke kediaman Ketua Kampung Kota Batu, Awang Haji Damit bin Haji Laidin yang terletak di Mukim Kota Batu di sini.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta 9 orang pegawai dan kakitangan jabatan tersebut..

Turut hadir pada program tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kota Batu, MPK Pintu Malim dan MPK Sungai Lampai dan majlis diawali dengan bacaan Surah Al-Fatihah.

Antara perkara yang disalurkan kepada masyarakat disana ialah mengenai dengan penggunaan bendera negara, kain rentang (banner) dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.

Turut di perkenalkan ialah akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei versi 'e-paper' dan dalam talian (online) yang disampaikan oleh wakil dari Unit Perhubungan Awam, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Juga dibarigakan semasa program itu ialah penglibatan jabatan dalam menyibarkan maklumat secara atas talian (online) di mana rakyat dan penduduk boleh mengikuti perkembangan semasa di akaun Facebook Jabatan Penerangan, iaitu Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri, akaun Twitter : @infodept_bn dan akaun Instagram : @infodept.bn yang dikemaskini setiap hari.



*SALAH seorang penduduk kampong ketika mencuba menaikturun aplikasi e-paper Pelita Brunei sambil di perhatikan oleh pegawai -pegawai dari Jabatan Penerangan semasa Program Sua Muka tersebut.*




*SALAH satu perusahaan makanan iaitu soto yang diusahakan oleh anak tempatan yang terletak di Kampung Pintu Malim.*

Berita dan Foto : **Noraisah Muhammed**

## Kampung Pandan 'B'



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar semasa Program Sua muka.*

**KUALA BELAIT,** Selasa, 10 Januari. - Program Sua Muka yang di ungkayahkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri memulakan edisinya yang pertama 2017 dengan berkunjung ke kediaman Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar.

Program tersebut merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara iaitu selaras dengan peranan Jabatan Penerangan sebagai jentera kerajaan dalam memeduli kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar berserta beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu Mukim Belait yang juga selaku Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abd. Malik bin Abu Bakar.

Turut hadir pada program tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Belait dan Kampung Pandan 'B'.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah menyampaikan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan kepada Pemangku Penghulu Mukim Belait dan selaku Ketua Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Abu Bakar.*



PENGIRAN Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin dari Unit Perhubungan Awam semasa memperkenalkan dan memberigakan penggunaan versi digital Pelita Brunei.

Dengan adanya hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara terutama dalam memelihara perpaduan dalam hidupan bermasyarakat.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

## Kampung Pandan 'A'



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait selaku Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin bergambar ramai semasa program tersebut.

**KUALA BELAIT,** Sabtu, 14 Januari. –Program Bersua Muka yang merupakan salah satu aktiviti yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri diteruslan lagi hari ini ke daerah kota minyak selepas berkunjung ke kediaman Pemangku Penghulu Mukim Belait dan Ketua Kampung Pandan 'B' empat hari lalu.

Kunjungan pada kali ini dilakukan ke kediaman Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait selaku Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan disertai oleh pegawai dan kakitangan dari beberapa bahagian dan unit yang berkenaan.

Kunjungan dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Ahmadani bin Haji Abd. Rahman dan diteruskan dengan sesi suai kenal di antara rombongan Jabatan Penerangan dan penduduk kampung yang hadir.

Program yang diungkayahkan ini merupakan salah satu landasan untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara.

Justeru itu Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan adalah berperanan dalam membarigakan dan mempromosikan perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung terutamanya tempat dan produk-produk kampung untuk diperkenalkan kepada orang ramai sama ada dari dalam dan luar negara melalui penulisan rencana Kenali Negara Kitani (KNK) yang disiarkan di Pelita Brunei.

Dengan adanya program sebegini akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kedua pihak.



*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah menyampaikan cenderahati kepada Pemangku Ketua Kampung Pekan Belait selaku Ketua Kampung Pandan A', Awang Sulaiman bin Haji Udin.*



*PEMANGKU Ketua Kampung Pekan Belait selaku Ketua Kampung Pandan 'A', Awang Sulaiman bin Haji Udin.*

## Peristiwa Penting Jabatan Penerangan

Pada 29 Januari 2000 iaitu kira-kira 17 tahun yang lalu Jabatan Penerangan telah melancarkan Hari Penerangan yang diadakan di Dewan Bandaran Kuala Belait.

Hadir merasmikan Majlis Pelancaran Hari Penerangan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (ketika itu) Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Pengarah Penerangan ketika itu, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned antara lain berkata Jabatan Penerangan akan meluaskan usahanya dalam memperkayakan sumber-sumber maklumat sama ada dari segi percetakan, ceramah-ceramah serta pelbagai kaedah jaringan penerangan yang lain di samping melihat kaedah untuk memaksimakan penggunaan teknologi maklumat dalam penyalurannya.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hazair ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Hari Penerangan yang berlangsung di Dewan Bandaran Kuala Belait. Juga kelihatan dalam gambar ialah Pengarah Penerangan, Awang Haji Abdul Wahab; Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani serta lain-lain pegawai kanan kerajaan. – Gambar oleh Harun HR.

JABATAN PENERANGAN BERUSAHA MEMPERKAYA SUMBER MAKLUMAT

Oleh Abu Bakar HAR

KUALA BELAIT, 29 Januari. - Pengarah Penerangan, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned berkata, Jabatan Penerangan akan meluaskan usahanya dalam memperkayakan sumber-sumber maklumat sama ada dari segi percetakan, ceramah-ceramah serta pelbagai kaedah jaringan penerangan yang lain di samping melihat kaedah untuk memaksimakan penggu- [illegible] teknologi maklumat dalam [illegible]

lumat yang akan disalurkan melalui 'on-line'."

Awang Haji Abdul Wahab menjelaskan perkara tersebut di Majlis Pelancaran Hari Penerangan Tahun 2000 yang berlangsung di Dewan Bandaran Kuala Belait di sini, yang mana [illegible]

yang dijadikan teras pendekatan dan pencapaian yang dihasratkan sebagai kegiatan-kegiatan Hari Penerangan.

Antara nilai-nilai yang disentuh di majlis itu ialah nilai yang berupa kesedaran di kalangan masyarakat ramai mengenai peranan maklumat penerangan untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini di samping menanamkan nilai rasa [illegible]

punyai kesedaran dan [illegible] gungjawab dalam memas[illegible] tidak terdapatnya anasir-[illegible] yang sengaja atau [illegible] menyeleweng atau men[illegible] gunakan maklumat-ma[illegible] penerangan.

Dengan nilai-nilai [illegible] asaskan itu, tegas Pe[illegible] Penerangan akan dapa[illegible] bahawa di dalam [illegible] bernegara, kepenting[illegible]

# Jerayawara Kenali ASEAN

Oleh: Rohani Haji Abd HAmid, Ak. Syi'aruddin Pg.Dauddin, Ammar Asyraaf Haji Suhaimi
Foto: Mohd Zul Izzi Haji Durahman, Dk.Nurhafilah Pg.Osman

## Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan

**BERAKAS,** Sabtu, 21 Januari. - Dalam usaha untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN- COCI telah mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN yang berlangsung di tiga buah sekolah berasingan yang bermula di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan disini.



*ANTARA para pelajar lelaki yang menghadiri taklimat tersebut.*

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua serta guru-guru maktab berkenaan.

Jerayawara ini bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat ini juga diharapkan agar dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu ldentiti,Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Di samping itu, ia juga diharap akan dapat meningkatkan kesedaran penuntut tentang perkembangan negara di rantau ini serta menjadi pencetus semangat bagi mereka agar lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan 2035 dapat direalisasikan.



*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan semasa menyampaikan Taklimat ASEAN.*



*PARA guru dan pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan*

## Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPIHM)

Sehubungan itu, program yang sama juga diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (SMPIHM) Serasa, pada hari Rabu, 25 Januari yang lepas.

Taklimat di hadiri oleh seramai 200 orang penuntut sekolah tersebut bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mereka mengenai ASEAN - memandangkan mereka ini merupakan golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara dalam mewarnai corak peradaban bangsa bagi membentuk generasi pelapis.

Hadir selaku tetamu kehormat Timbalan Pengetua sekolah menengah berkenaan, Awang Haji Mahleyuddin bin Haji Matussin.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Turut diketengahkan pada taklimat itu ialah maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.



*ANTARA murid-murid Tahun 7 dan 8 yang hadir di jerayawara tersebut.*



*JERAYAWARA bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini.*



*SALAH seorang pelajar menerima hadiah setelah berjaya menjawab soalan Kuiz ASEAN.*

Jerayawara Kenali ASEAN merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan ASEAN (ASEAN-ness) di kalangan para pelajar dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan dan pada masa yang sama, bagi mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai menguji minda, Kuiz Kenali ASEAN juga diadakan sejurus selesai taklimat berkenaan.

## Sekolah Menengah Berakas (SMB)



***ANTARA penuntut SMB yang hadir mendengarkan taklimat pagi itu***

Jerayawara Kenali ASEAN ini dilanjutkan lagi dengan memberikan maklumat asas berkaitan ASEAN kepada 600 orang pelajar dari Sekolah Menengah Berakas (SMB) pada 31 Januari lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua SMB, Awang Abdullah bin Awang Ismail.

Jerayawara tersebut disasarkan kepada para penuntut sekolah menengah kerana mereka adalah golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis

Jerayawara juga dimeriahkan dengan Kuiz Kenali ASEAN kepada para penuntut SMB.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.




***SESI kuiz juga turut diadakan dalam menguji pengetahuan para pelajar mengenai ASEAN.***

Di samping itu, ia juga bagi mengukuhkan hubungan Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para penuntut di negara ini.



***SERAMAI 600 penuntut SMB bergambar ramai selepas mendengarkan taklimat berkaitan ASEAN yang diadakan di dewan sekolah tersebut.***

# Hadiri Bengkel Transfer of Knowledge

**Berita: Unit Penerbitan Melayu**
**Foto: Unit Perhubungan Awam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Januari.- Sebahagian daripada Pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan termasuk Pemangku Pengarah dan Pemangku Timbalan Pengarah jabatan tersebut menghadiri bengkel "Bengkel Transfer of Knowledge di Bangunan Baru Jabatan Perdana Menteri.

Antara objektif bengkel tersebut diadakan adalah sebagai pengenalan terhadap kerangka kerja Wawasan Brunei 2035 dan Pelan Komunikasi Wawasan Brunei 2035. Selain itu ianya juga bagi memahami cabaran-cabaran untuk menyampaikan Wawasan 2035 kepada orang ramai serta memahami penyelesaian bagi cabaran-cabaran yang dihadapi disamping bekerjasama untuk menyampaikan Wawasan 2035 kepada orang ramai.




*PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sewaktu menghadiri kursus berkenaan.*



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan di bengkel tersebut.*



*PEGAWAI Penerangan Awang Mohammad Hisyam semasa menyampaikan pendapat hasil dari percambahan fikiran di bengkel tersebut.*

# Jabatan Penerangan anjur Pertandingan Koir Sempena Hari Kebangsaan Ke-33






*SALAH seorang wakil pasukan yang menyertai pertandingan koir ketika melakukan undian.*

**Jabatan Penerangan** Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Daerah seluruh negara akan menganjurkan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-mukim Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-33 Tahun 2017 bermula bulan Februari depan.

Sehubungan dengan itu Majlis Pengundian bagi pertandingan tersebut telah diadakan pada 30 Januari lepas di Bilik Mesyuarat Tingkat II Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama Berakas di sini.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, Pertandingan akan diadakan pada 6 Februari 2017 di Dewan Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama Berakas diikuti Daerah Belait pada 7 Februari di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, Kuala Belait; Daerah Tutong pada 8 Februari dan Daerah Temburong pada 11 Februari di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong.

Pertandingan antara lain sebagai salah satu strategi untuk sama-sama membarigakan hari-hari kebesaran negara di samping menanamkan semangat patriotik di kalangan semua peringkat masyarakat di samping menjadi landasan dalam mengilap dan mencungkil bakat di kalangan penduduk mukim dan kampong serta untuk menyemai semangat daya saing dan membina keyakinan diri.

## Pedoman

### Darjat Orang Yang Berilmu

**Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadalah: ayat 11, tafsirnya: "Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat"**

# Hayati lagu kebangsaan dan bendera negara

Berita dan Foto:
Ampuan Roza Amalyati Ampuan Husain



*TIMBALAN Pengetua (Pentadbiran) SMSHBT, Awang Helmy bin Haji Abd. Rahman, guru-guru kanan sekolah berkenaan berserta pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar ramai semasa program berkenaan.*

**TEMBURONG,** Rabu, 25 Januari. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui cawangannya di Daerah Temburong mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara kepada seramai 140 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong (SMSHBT) yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Turut hadir semasa program tersebut ialah Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SMSHBT, Awang Helmy bin Haji Abd. Rahman serta guru-guru kanan sekolah berkenaan

Semasa taklimat tersebut, para pelajar turut disajikan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

Bagi menguji minda, beberapa pelajar berpeluang menyertai kuiz kenegaraan yang dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Ah Chua bin Bangau, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan serta penyampaian cenderahati kepada pihak sekolah.



*PEGAWAI Penerangan Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan menyampaikan hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.*



KUIZ Kenegaraan dikendalikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Ah Chua Bangau, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Hamsah, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan bersama Timbalan Pengetua (Pentadbiran) SMSHBT, Awang Helmy.





PELAJAR-PELAJAR lelaki (atas) dan perempuan (kiri) Tahun 7 semasa mendengarkan taklimat yang disampaikan.

# Eratkan hubungan media melalui sukan

Berita: Dk.Siti Redzaimi Pg.Hai Ahmad
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas





JERUDONG, Jumaat, 6 Januari. - Penyertaan Pasukan Pelita Brunei di Kejohanan Paintball Media 2017 yang diadakan di Paintball Arena @ Jerudong (PAJ) secara langsung dapat memupuk semangat persefahaman antara media di negara ini.

Sekalipun kurang bernasib baik namun mampu untuk memberikan saingan sengit kepada sembilan buah pasukan yang lain.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Royal Brunei Technical Service (RBTS) dijuarai oleh Pasukan Anak Brunei diikuti di tempat kedua oleh pasukan Borneo Bulletin dan tempat ketiga diraih bersama oleh pasukan DST dan Ranoadidas.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad yang sekaligus melancarkan Nama dan Logo Baharu, Paintball Arena @ Jerudong (PAJ) dan waktu baharu operasi iaitu pada waktu malam.

*PASUKAN Pelita Brunei ketika bergambar ramai di kejohanan itu (atas kiri) manakala gambar (kiri bawah), salah satu aksi mereka di kejohanan tersebut.*

# Sekitar pengagihan kalender 2017 terbitan Jabatan Penerangan















# Kursus/ Taklimat/ Bengkel Bulan Januari 2017

| Nama | Jawatan | Nama Kursus / Bengkel/ Taklimat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| Dayang Hajah Marhani Binti Haji Abd Rahman | Juruteknik Foto Tingkat 1 | Kursus Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti | 09 - 12 Januari 2017 |
| Dayang Enie Erma Binti Haji Salihudin | Juruteknik Foto Tingkat 1 | Kursus Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti | 09 - 12 Januari 2017 |
| Awang Haji Dayang Bin Haji Kasim | Pegawai Penerangan | Kursus Persediaan Persaraan | 16 - 30 Januari 2017 |
| Awang Shari Bin Haji Garib | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Kursus Persediaan Persaraan | 16 - 30 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Umi Kalthum Binti Haji Ali Hussien | Pembantu Perpustakaan Tingkat II | Kursus Persediaan Persaraan | 16 - 30 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Norainah Binti Ibrahim | Penyambut Tetamu/Telefon Operator | Kursus Persediaan Persaraan | 16 - 30 Januari 2017 |
| Awang Mawardi bin Mohammad | Pemangku Pengarah | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Noorashidah Binti Haji Aliomar | Pmk Timbalan Pengarah | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah Binti Haji A.Ahmad | Pegawai Pentadbir Tingkat I | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Musa Bin Mohiddin | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Hamsah Binti Datu Kerna Haji Jaya | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Ali Termizzi Bin Haji Ramlli/ Haji Ramli | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Rosidah Binti Haji Ismail | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Ezawati Hanim Binti Abdullah @Dk Nasibahanim Binti Pg Haji Bakar | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohammad Hisyam Bin Idris | Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Pengiran Ikram Bin Pengiran Haji Ahmad | Penolong Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hajah Noorhijrah Binti Haji Idris | Penolong Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Hasanul Hidayat Bin Haji Abu Bakar | Penolong Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohammad Nurakram Bin Noraini@Bahrin | Penolong Pegawai Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Nur Zahirah Bin Haji Osman | Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Abdul Hadi Bin Haji Suhaili | Penolong Pegawai Penyemak Tingkat I | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Khairul Shaharim Bin Haji Abdul Ghafor | Pereka Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hezlinawati Binti Haji Abdul Karim | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Bolhassan Bin Haji Abu Bakar | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Haji Ahmad Bin Haji Salim | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Zawiyatun Ni'mah Binti Mohamad Akir | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Abdullah Bin Asgar @ Askar | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Awang Abu Bakar Bin Haji Abd Rahman | Penolong Penyunting Tingkat II | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Aliahmad Bin Awang Achee | Penyelia Pejabat | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Pg Emran Bin Pg Haji Salleh | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Rafa'ee Bin Yaakub | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Ah Chua Bin Bangau | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohd. Adi Zamhari Bin Haji Awang Yahya | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Dona Azfina Binti Ibrahim | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohammad Khaiddir Shah Bin Haji Abdul Halim | Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Noraisah Binti Muhammad | Penolong Penyunting Tingkat III | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Haniza Binti Abdul Latif | Penolong Penyunting Tingkat III | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Hernie Suliana Binti Haji Othman | Jurugambar Tingkat I | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Akui Bin Anam | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Aliasan Bin Haji Kalong | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohd Rusli Bin Abdullah @ Rusli Bin Gandok | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Siti Mazfaizura Binti Maikal | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Faridah Binti Haji Kaderi | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dk Nur Effa Ryina Binti Pengiran Haji Hamdani | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Siti Haniza Binti Azari | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Ampuan Roza Amalyati Binti Ampuan Hussain | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Siti Norasilah @ Anisah Binti Awang Asli | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Indaradiana Binti Sahak | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Rahmat Shukurillah Bin Harith/ Mirah | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Dayang Khairunneeza Binti Abdullah | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Muhammad Hidayatullah Bin Zahari | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Nordy Bin Tabong | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Mohammad Nor Amirudin Bin Hj Brahim | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Hj Abdul Azim @ Hj Mu'az Bin Hj Tujoh | Pembantu Pegawai Luar Penerangan | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Anang Idris Bin Haji Ramli | Pekerja Tingkat IV | Bengkel Wawasan 2035 | 22 Januari 2017 |
| Awang Ishak Bin Haji Othman | Penolong Penyunting Tingkat I | Professional Design Through Adobe Indesign | 23 - 26 Januari 2017 |
| Awang Abu Bakar Bin Haji Abd Rahman | Penolong Penyunting Tingkat II | Professional Design Through Adobe Indesign | 23 - 26 Januari 2017 |
| Awang Mohammad Ike Iqrami Bin Haji Suhaimi | Pereka Tingkat III | Professional Design Through Adobe Indesign | 23 - 26 Januari 2017 |
| Dayang Siti Nurul Nadhiran Binti Ismail | Penolong Kerani Sulit | Kursus Induksi | 23 Januari - 01 Februari 2017 |
| Awang Mohd Nurakram Bin Noraini@ Bahrin | Penolong Pegawai Penerangan | Kursus Induksi | 23 Januari - 01 Februari 2017 |

# Pegawai Penerangan Memberi Taklimat Bulan Januari 2017

| Nama | Jawatan | Bahagian | Nama Taklimat & Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| Awang Mohammad Hisyam Bin Idris | Pegawai Penerangan | 2 | Sistem Pentadbiran Kerajaan - IPA | 23 Januari 2017 |

# Penempatan Kerja Mahasiswa dan Mahasiswi U.B.D ke Jabatan Penerangan

| Nama | Jurusan | Tarikh Penempatan |
|---|---|---|
| Awang Muhammad Huzmi Bin Lawi | Professional Communication & The Media | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Awang Mohammad Fadzil Bin Abdullah@ Mohammad Fadzil Bin Haji Buyong | Professional Communication & The Media | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Awang Eric Soh Chen Tiong | Professional Communication & The Media | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Awang Ammar Asyraaf Haji Suhaimi@Zamin | Professional Communication & The Media | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Awang Hadiwansuaikalman Bin Haji Mohd Diah | Professional Communication & The Media | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Awang Muhammad Nazih Bin Haji Zaini | Malay Language & Linguistic | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Dayang Mahirah Binti Haji Mohd Raduan | Academy Of Brunei Study | 09 Jan - 22 April 2017 |
| Dayang Siti Nur'aqilah Binti Haji Abu Hanafiah | English Language & Linguistics | 23 Jan - 29 April 2017 |
| Dayang Amal Hanisah Binti Haji Kassim | English Literature | 24 Jan - 01 Mei 2017 |
| Dayang Nurafizah@Nurul Shadah Samat | Historical Studies | 24 Jan - 01 Mei 2017 |
| Dayang Nur Ainina Binti Haji Mohammad | English Language & Linguistics | 24 Jan - 01 Mei 2017 |
| Dayang Nurafilabibah Binti Mohd Shafiee | Professional Communication & The Media | 24 Jan - 01 Mei 2017 |
| Dayang Helyati Binti Mohamad | English Literature | 09 Jan - 22 April 2017 |

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

http://www.penerangan.gov.bn
http://www.information.gov.bn
http://www.pelitabrunei.gov.bn

*Media Sosial Penerangan:*

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

infodept.bn

infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242